

Meningkatkan Kemahiran Kendiri Memakai Seluar Dalam Kalangan Murid Masalah Pembelajaran Dengan Menggunakan Kaedah “KerusiBANTU”

Rohaya Zakariah

Sekolah Kebangsaan Duyong, Melaka
ayahanif@gmail.com

ABSTRAK

Kanak-kanak yang normal mula belajar memakai pakaian pada usia 12 hingga 24 bulan namun bagi murid bermasalah pembelajaran ia merupakan perkara yang sukar untuk dilakukan dan sering mengharapkan bantuan orang dewasa walaupun umur semakin bertambah. Menurut Izen & Brown (1991) kemahiran mengajar keberdikarian diri adalah sangat penting. Melalui cara mengurus diri yang betul dapat membantu seseorang itu menguasai kemahiran secara praktikal dan diaplikasikan dalam kehidupan seharian tanpa bantuan orang lain terutamanya kemahiran memakai seluar setiap kali ke tandas. Kegagalan menguasai kemahiran sendiri memakai seluar akan menyukarkan murid untuk mengurus diri dengan baik. Amalan terbaik ini melibatkan kumpulan sasaran seramai lima orang murid Pendidikan Khas dari kelas. Amalan ini bertujuan untuk mengatasi masalah sukar memakai seluar dengan sendiri dalam kalangan murid masalah pembelajaran di Sekolah Kebangsaan Duyong dengan menggunakan kaedah “kerusiBANTU”. Fokus aktiviti amalan ini adalah untuk melihat bagaimana murid masalah pembelajaran berkefungsian rendah dapat ke tandas dengan menggunakan kaedah “kerusiBANTU”. Hasil daripada amalan baik yang telah dijalankan, murid bermasalah pembelajaran berkefungsian rendah dapat memakai seluar sendiri tanpa perlu bimbingan Pembantu Pengurusan Murid atau guru melalui kaedah “kerusiBANTU”. Kesimpulannya, kebolehan mengurus diri penting untuk kelangsungan hidup murid kerana suatu hari nanti mereka perlu hidup berdikari tanpa bimbingan orang lain.

Kata kunci : pengurusan diri, murid bermasalah pembelajaran, “kerusiBANTU”

Pengenalan Amalan Terbaik

Pendedahan kemahiran pemakaian seluar dengan betul merupakan salah satu bentuk urus diri bagi kanak-kanak berumur tujuh hingga sepuluh tahun. Kenyataan pengamal ini disokong oleh Inomata & Simizu (1991) yang menyatakan bahawa kemahiran anggota tangan mempengaruhi kelajuan untuk melakukan aktiviti penjagaan diri seperti memakai dan menanggalkan pakaian kerana kebolehan memakai membina keyakinan diri mereka, meningkatkan sikap berdikari dan membantu mereka dalam menguruskan diri terutama ketika ke tandas. Setiap murid mempunyai tahap penguasaan yang berbeza dalam mempelajari sesuatu kemahiran. Senario ini berlaku di Sekolah Kebangsaan Duyong kerana terdapat murid berkeperluan khas kefungsian rendah yang lemah dalam pemakaian seluar ketika ke tandas. Melalui amalan terbaik “kerusiBANTU” ini dapat membantu murid kefungsian rendah setiap kali ke tandas. Kenyataan ini

disokong oleh yang Guidetti & Söderback, (2001) menunjukkan kemahiran berpakaian boleh diajar kepada kanak-kanak yang mengalami *cerebral palsy* dalam persekitaran semula jadi. Kemahiran ini sangat sesuai diajar dan dilaksanakan bagi murid-murid berkefungsian rendah. Punca masalah utama yang dihadapi oleh murid-murid di sekolah pengamal ini ialah masalah koordinasi mata dan tangan.

Justifikasi Pelaksanaan Amalan Terbaik

Kaedah “kerusiBANTU” ini direka berdasarkan masalah kesukaran murid semasa memakai pakaian dan daya keyakinan yang rendah untuk mengurus diri. Masalah ini berlaku kerana perkara utama sebelum seseorang murid itu ingin ke tandas, kemahiran koordinasi mata dan tangan murid untuk membuka seluar sangat penting. Memandangkan Murid Berkeperluan Pendidikan Khas lahir dengan keperluan khas yang pelbagai, kebanyakan daripada mereka memerlukan bantuan guru dan Pembantu Pengurusan Murid ketika hendak ke tandas.

Kesedaran daripada permasalahan ini pengamal cuba memikirkan apakah cara yang terbaik dan mudah untuk murid-murid bermasalah pembelajaran menguasai kemahiran memakai seluar dan meningkatkan keyakinan murid ke tandas dengan mudah berdasarkan kemahiran lokomotor asas yang mereka ada. Apabila meninjau kekuatan yang ada pada murid yang lemah ini, secara keseluruhannya mereka hanya mampu untuk memberikan isyarat membuang air kecil dan besar. Oleh yang demikian dengan menggunakan kekuatan yang mereka ada saya mencuba mencipta satu kaedah yang mudah dilaksanakan untuk membantu mereka dalam meningkatkan keyakinan diri dalam memakai seluar serta membuka seluar ketika ke tandas. Kaedah ini hanyalah melibatkan kemahiran koordinasi mata dan tangan iaitu cara memakai seluar dan membuka seluar dengan menggunakan kaedah “kerusiBANTU” dan amalan terbaik ini dapat mempercepatkan murid untuk membuang air kecil dan air besar.

Objektif Pelaksanaan

Objektif pelaksanaan amalan terbaik ini ialah:

1. Meningkatkan kemahiran memakai seluar secara sendiri.
2. Meningkatkan daya keyakinan untuk mengurus diri.

Amalan Terbaik yang Dilaksanakan

Sebelum pengamal menjalankan amalan terbaik ini, pengamal telah membuat terlebih dahulu pelan perancangan yang teliti supaya dapat lebih memahami tindakan yang perlu dilaksanakan. Dengan itu, matlamat amalan terbaik pengamal dapat dicapai dengan betul dan tepat. Rentetan daripada itu, pengamal telah membuat rujukan dan juga keberkesanan intervensi-intervensi bagi membolehkan amalan ini dilaksanakan dalam membantu murid-murid pengamal. Kaedah yang digunakan dan diamalkan ialah kaedah “kerusiBANTU” sebagai intervensi amalan dalam mengatasi masalah tersebut. Berikut merupakan perancangan tindakan dalam melaksanakan kaedah “kerusiBANTU” ini.

Peringkat 1: Mengenal Pasti Kaedah Pelaksanaan

Dalam mengenal pasti isu amalan ini, pengamal telah membuat Senarai Semak Pemakaian Seluar dengan bantuan “kerusiBANTU” dan tanpa bantuan “kerusiBANTU” serta pemerhatian secara gambar atau video. Melalui hasil daripada senarai semak dan pemerhatian secara gambar atau secara langsung ini mendapati murid kurang keyakinan diri ingin ke tandas adalah kerana tidak mempunyai kemahiran dalam memakai seluar serta membuka seluar dengan betul. Selain daripada itu, pemerhatian dan dapatan daripada ibu bapa serta Pembantu Pengurusan Murid (PPM) turut dijalankan untuk melihat penguasaan murid pengamal dalam kemahiran menyarung seluar dan membuka seluar ketika ingin ke tandas.

Peringkat 2: Perancangan Tindakan Amalan Terbaik

Sebelum saya menjalankan amalan ini, saya telah membuat terlebih dahulu pelan perancangan yang teliti supaya saya lebih memahami tindakan yang perlu dilaksanakan oleh saya. Dengan itu, objektif saya dapat dicapai dengan betul dan tepat. Rentetan daripada itu, saya telah membuat rujukan beberapa kajian literature yang lepas berkenaan dengan isu saya ini bagi membolehkan amalan ini dapat dilaksanakan dengan baik dan sempurna. Kaedah yang digunakan dalam amalan terbaik di sekolah saya ini ialah kaedah “kerusiBANTU” sebagai intervensi dalam mengatasi masalah mengurus diri ke tandas bagi kemahiran menyarung dan membuka seluar yang dialami oleh murid-murid saya. Berikut merupakan perancangan tindakan dalam melaksanakan amalan terbaik ini.

Jadual 1
Perancangan Tindakan Amalan Terbaik.

BIL	TINDAKAN AMALAN TERBAIK
1	Menjalankan ujian senarai semak kesediaan pengurusan diri murid ke tandas. (kesediaan murid dalam pemakaian seluar)
2	Melakukan pemerhatian secara tidak langsung ketika ke tandas.
3	Melakukan pemerhatian bersama guru yang lain.
4	Menganalisis dapatan hasil senarai semak kesediaan, pemerhatian bersama guru lain.
5	Merangka kaedah intervensi “kerusiBANTU” bagi murid.
6	Merancang penggunaan kaedah “kerusiBANTU”.
7	Menjalankan sesi pengajaran dan pembelajaran. <ul style="list-style-type: none"> ➤ Sesi 1: Pengajaran dan pembelajaran biasa tanpa kaedah kerusiBANTU. <ul style="list-style-type: none"> - Senarai semak kesediaan murid ke tandas. ➤ Sesi 2: Pengajaran dan pembelajaran koordinasi mata dan tangan secara bebas. ➤ Sesi 3: Pengajaran dan pembelajaran pengurusan diri menggunakan kaedah kerusiBANTU waktu Pengurusan Diri.
8	Mengumpul dan memeriksa dapatan yang diperolehi.
9	Menganalisis data dan maklumat yang diperolehi.
10	Membuat penilaian dan refleksi.

Peringkat 3: Melaksanakan Tindakan Amalan Terbaik

Pada peringkat 3 ini, pengamal telah menjalankan tindakan yang telah dirancang pada peringkat kedua. Pengamal juga menyediakan jadual pelaksanaan tindakan bagi memastikan amalan ini berjaya mencapai objektif yang telah ditetapkan. Melalui jadual yang telah disediakan dapat membantu pengamal membuat intervensi dan aktiviti secara teratur dan terancang. Berikut merupakan jadual tindakan amalan terbaik pengamal dengan menggunakan kaedah “kerusiBANTU”.

Jadual 2
Pelaksanaan Intervensi bagi Tindakan Amalan Terbaik “kerusiBANTU”

Tindakan	Pelaksanaan Intervensi (Aktiviti) dengan Kaedah kerusiBANTU
Langkah 1	<ul style="list-style-type: none"> -Murid diajar kemahiran koordinasi mata dan tangan. -Murid diajar kemahiran koordinasi mata dan tangan iaitu aktiviti mengambil getah di dalam air menggunakan kayu atau memasukkan gelung warna dalam bongkah bentuk.
Langkah 2	<ul style="list-style-type: none"> -Murid diajar untuk menguatkan lagi kemahiran koordinasi mata dan tangan dengan kaedah “kerusiBANTU”. -Murid <i>hendaklah memegang pinggang getah seluar</i> dalam keadaan duduk. -Murid diminta <i>menolak ke bawah seluar</i> dengan cara yang betul -Murid diminta melakukan dengan kerap aktiviti tersebut dengan bimbingan guru pada awal bimbingan.
Langkah 3	<ul style="list-style-type: none"> -Murid diajar untuk menguatkan lagi kemahiran koordinasi mata dan tangan dengan kaedah “kerusiBANTU” -Murid <i>hendaklah menarik pinggang getah seluar</i> dalam keadaan duduk. -Murid diminta <i>menarik seluar ke atas</i> dengan cara yang betul. -Murid diminta melakukan dengan kerap aktiviti tersebut dengan bimbingan guru pada awal bimbingan.

Peringkat 4: Mengumpul dan Menganalisis Data

Pengumpulan data adalah sangat penting dalam melaksanakan sesuatu amalan terbaik. Hal ini kerana data merupakan tunjang utama dalam membuktikan tentang kebenaran sesuatu amalan terbaik serta menilai sesuatu intervensi itu sama ada berjaya atau tidak diamalkan. Dalam mengumpul data dan maklumat, alat atau cara bagaimana data itu dikumpulkan dan ditentukan oleh pengamal sendiri. Pengumpulan data ini ditentukan sebelum penilaian dilakukan. Dalam amalan ini, setiap objektif yang ditetapkan mempunyai instrumen yang boleh dianalisis bagi melihat sama ada objektif tersebut tercapai ataupun tidak. Oleh itu, pengamal telah menggunakan dua kaedah pengumpulan data iaitu pemerhatian analisis dokumen senarai semak, rakaman gambar atau video. Data-data ini dikumpul bermula pada awal amalan terbaik ini dilaksanakan. Kemudian dapatan diperoleh dan dianalisis dengan lebih terperinci supaya hasil yang diperoleh dapat menentukan keputusan keberkesanan amalan ini.

PROGRAM PENDIDIKAN KHAS INTEGRASI KELAS PENDIDIKAN KHAS PEMBELAJARAN
SEKOLAH KEBANGSAAN DUYONG

Senarai Semak Kecekapan Murid ke Tandas

JADUAL KEKERAPAN DAN PEMANTAUAN KE TANDAS / TAHUN 2022

NAMA MURID : _____ KELAS : HG _____ BULAN : _____

ISU UTAMA : Memerlukan bantuan penuh (pemakaian lampin pakai buang dan seluar) dan bantuan ketika buang air kecil dan air besar

INTERVENSI : KAEDAH kerusiBANTU

Masa / Hari	740pg 810pg	810pg 840pg	840pg 910pg	910pg 940pg	940pg 1000pg	1000pg 1030pg	1030pg 1100pg	1100pg 1130pg	1130pg 1200tgh	1200tgh 1230tgh	1230tgh 100 ptg	CATATAN
Isnin	Pakai seluar	Pakai seluar	Pakai seluar	Pakai seluar	Pakai seluar	Pakai seluar	Pakai seluar	Pakai seluar	Pakai seluar	Pakai seluar	Pakai seluar	
	Bantu mesra	Bantu mesra	Bantu mesra	Bantu mesra	Bantu mesra	Bantu mesra	Bantu mesra	Bantu mesra	Bantu mesra	Bantu mesra	Bantu mesra	
Selasa	Pakai seluar	Pakai seluar	Pakai seluar	Pakai seluar	Pakai seluar	Pakai seluar	Pakai seluar	Pakai seluar	Pakai seluar	Pakai seluar	Pakai seluar	
	Bantu mesra	Bantu mesra	Bantu mesra	Bantu mesra	Bantu mesra	Bantu mesra	Bantu mesra	Bantu mesra	Bantu mesra	Bantu mesra	Bantu mesra	
Rabu	Pakai seluar	Pakai seluar	Pakai seluar	Pakai seluar	Pakai seluar	Pakai seluar	Pakai seluar	Pakai seluar	Pakai seluar	Pakai seluar	Pakai seluar	
	Bantu mesra	Bantu mesra	Bantu mesra	Bantu mesra	Bantu mesra	Bantu mesra	Bantu mesra	Bantu mesra	Bantu mesra	Bantu mesra	Bantu mesra	
Khamis	Pakai seluar	Pakai seluar	Pakai seluar	Pakai seluar	Pakai seluar	Pakai seluar	Pakai seluar	Pakai seluar	Pakai seluar	Pakai seluar	Pakai seluar	
	Bantu mesra	Bantu mesra	Bantu mesra	Bantu mesra	Bantu mesra	Bantu mesra	Bantu mesra	Bantu mesra	Bantu mesra	Bantu mesra	Bantu mesra	
Jumaat	Pakai seluar	Pakai seluar	Pakai seluar	Pakai seluar	Pakai seluar	Pakai seluar	Pakai seluar	Pakai seluar	Pakai seluar	Pakai seluar	Pakai seluar	
	Bantu mesra	Bantu mesra	Bantu mesra	Bantu mesra	Bantu mesra	Bantu mesra	Bantu mesra	Bantu mesra	Bantu mesra	Bantu mesra	Bantu mesra	

Disediakan oleh, _____ Disemak oleh, _____


NAMA GURU _____ GURU BESAR _____



*** Guru pelaksana RPI / guru matapelajaran hanya perlu tandakan () ketika murid ke tandas dan mohon laksanakan intervensi bersama murid

Peringkat 5: Refleksi Amalan Terbaik

Dalam peringkat refleksi ini, saya cuba membuat rumusan tentang apa yang telah dirancang dan dilaksanakan oleh saya sama ada berjaya atau tidak. Melalui refleksi juga, saya dapat melihat kekuatan dan kelemahan sepanjang tempoh amalan terbaik ini dijalankan. Rentetan daripada itu, penambahbaikan dalam perancangan dapat dilakukan. Tambahan pula, kesimpulan daripada amalan terbaik ini dapat dibuat sama ada mengikut dan menepati objektif yang dirangka ataupun tidak di samping menyatakan luahan perasaan saya sepanjang amalan terbaik ini dijalankan.

Langkah Pelaksanaan Kaedah “kerusiBANTU” :

<p>Langkah 1</p>	<div style="text-align: center; border: 2px solid green; border-radius: 15px; width: 150px; margin: 0 auto;">  </div> <ul style="list-style-type: none"> Murid akan dibawa ke tandas oleh guru / PPM. Kemudian murid diminta duduk di atas “kerusiBANTU” yang telah disediakan dalam tandas bersebelahan tandas duduk. Permulaan murid akan memegang getah di pinggang seluar dengan betul. Murid dengan menggunakan kemahiran koordinasi mata dan tangan , murid melondehkan ke bawah seluar dengan betul.
------------------	--

<p>Langkah 2</p>	 <ul style="list-style-type: none">• Murid akan menurunkan seluar dengan cara menolak turun seluar secara duduk.• Cara ini dipraktikkan kerana dengan duduk murid dapat seimbangkan badan dalam menolak turun seluar ketika di tandas.• Dengan kaedah “kerusiBANTU” ini juga akan membantu meningkatkan keyakinan diri murid setiap kali ke tandas.• Setelah seluar ditanggalkan dengan betul , murid teruskan keperluannya di tandas.
<p>Langkah 3</p>	 <ul style="list-style-type: none">• Setelah murid selesai , murid akan diminta duduk semula di “kerusiBANTU”.• Murid akan menundukkan badan sedikit.• Murid akan menarik getah pinggang seluar naik ke atas dengan menggunakan kemahiran koordinasi mata dan tangan dengan betul.• Akhir sekali , murid akan bangun setelah seluar selesai dipakai dengan betul tanpa bimbingan atau bimbingan minima sahaja.

Keberkesanan Amalan Terbaik yang Dilaksanakan

- Analisis Pemerhatian

Hasil pemerhatian permulaan mendapati murid tidak dapat menguasai kemahiran ke tandas kerana lemahnya koordinasi pergerakan mata dan tangan ketika membuka seluar atau menanggalkan seluar ketika di tandas. Oleh itu, dengan kaedah “kerusiBANTU” ini diharapkan lebih intensif dalam memberikan pembelajaran pemakaian seluar dengan betul sebelum murid dapat membuang air kecil dengan menerapkan cara atau kaedah yang betul agar pembelajaran dapat berjalan dengan lancar.

Selain itu pemerhatian yang dilihat juga menunjukkan dalam mengembangkan kaedah latihan dengan pemberian ganjaran yang bervariasi agar murid aktif dan tidak mudah bosan dalam belajar dan menggunakan kaedah “kerusiBANTU” ketika pembelajaran berlangsung. Guru sewajarnya selalu memberikan dorongan berupa pujian kepada murid agar murid menjadi lebih memiliki kepercayaan diri dan bersemangat sehingga termotivasi untuk melakukan hal yang lebih baik.

Hasil pemerhatian ini telah membuktikan bahawa penggunaan kaedah “kerusiBANTU” pada pembelajaran pemakaian seluar ini dapat meningkatkan keyakinan dan kemampuan dalam pembelajaran membuang air kecil. Oleh sebab itu, hasil pemerhatian ini dapat dijadikan landasan untuk mengembangkan kaedah ini bagi pembelajaran bina diri yang berkeyakinan.

- Analisis Senarai Semak

Analisis senarai semak dijalankan pada selepas minggu ke-3 kaedah “kerusiBANTU” selesai dilaksanakan ke atas beberapa orang murid. Analisis senarai semak dapat ditunjukkan dibawah.

Jadual 3
Analisis Pelaksanaan kaedah “kerusiBANTU”

Bil.	Murid	Hari dan Masa	Tanpa Kaedah “kerusiBANTU”		Kaedah “kerusiBANTU”	
			Menguasai	Tidak	Menguasai	Tidak
1	Siti Saleha	Isnin	X		/	
2	Abu Talib	Selasa	X		/	
3	Rosmaria	Rabu	X		/	
4	Harman	Khamis	X		/	
5	Norsiah	Jumaat	X		/	

Rumusan dan Cadangan

Berdasarkan hasil penelitian dan pemerhatian dengan kaedah “kerusiBANTU”, dapat disimpulkan bahwa pelaksanaan kaedah “kerusiBANTU” ini dapat dijadikan sebagai latihan untuk meningkatkan kemampuan dan keyakinan bagi murid bermasalah pembelajaran dalam mengurus diri ke tandas dengan lebih baik. Peningkatan keyakinan diri buang air kecil bagi murid bermasalah pembelajaran ini dilaksanakan dua kali dengan menerapkan kaedah “kerusiBANTU” dan tanpa kaedah “kerusiBANTU” dalam pembelajaran tatacara pemakaian seluar yang memudahkan bagi membuang air kecil yang betul.

Kesimpulannya, setelah pengamal berjaya menjalankan amalan terbaik ini, amalan ini dapat membantu dalam mengurangkan masalah pengamal ketika mengajar murid dalam penguasaan pemakaian seluar ketika pengurusan diri ke tandas dan dibuktikan melalui keseluruhan data yang diperoleh yang melibatkan pemerhatian dan senarai semak. Ke semuanya menunjukkan perubahan dan memberikan keputusan yang positif sejajar dengan sasaran objektif pengamal. Kaedah “kerusiBANTU” ini telah membuka minda pengamal pada satu lagi aspek yang perlu diambil berat iaitu penambahbaikan cara pembelajaran yang pengamal perlu berusaha untuk mempelbagaikan lagi kaedah pengajaran dan pembelajaran yang lebih menyeronokkan pada masa akan datang.

Amalan terbaik pada masa akan datang akan berfokuskan pada PAK 21 yang dapat menarik minat murid terhadap mata pelajaran pengurusan diri seterusnya membolehkan murid menggunakan kaedah urus diri ini dalam kehidupan mereka.

Rujukan

- Dalrymple, N. (2000). *Toilet training a sixteen year old with autism in a natural setting*. American of Pediatrics, Committee on Children With Disabilities. Diperoleh tanggal 09 Januari 2013 (<http://www.pediatrics.org/cgi/content/full/109/3/e48>) ; toilet training, gender, age, readiness, child development
- D. L. & Shinkfield, A.J. (1985). *Systematic evaluation: a self-instruction guide to theory and practice*. Boston: Kluwer-Nijhoff Publishing.
- Heffner, G. (2010). *Toilet training and autism*. Diperoleh pada 09 Ogos 2012 dari www.theautismprogram.org/wp.../q3-reportfinal-complete.pdf.
- Luqmansyah. (2010). *Hubungan tingkat pengetahuan ibu tentang toilet training dengan penerapan toilet training pada anak usia toddler di Kelurahan Mijen Kecamatan Mijen Kota Semarang*. (<http://jtptunimus-gdl-luqmansyah-5215-3-jtptunimus-gdl-luqmansyah>) Diperoleh tanggal 09 Agustus 2012.
- Mahfuzah Zainol. (2016). *Kemahiran mengurus diri murid berkeperluan khas*. Perpustakaan Negara Malaysia.
- Mahfuzah Zainol. (2014). *Panduan terapi carakerja untuk murid istimewa*. Perpustakaan Negara Malaysia.

- Mahfuzah Zainol. (2015). *Kemahiran manipulatif dalam pendidikan*. Perpustakaan Negara Malaysia.
- Mohd. Nordin Abu Bakar. (2011). *Penilaian program mata pelajaran vokasional (MPV) bagi bidang pertanian di sekolah menengah harian di Semenanjung Malaysia*. Universiti Kebangsaan Malaysia, Selangor, Malaysia.
- Muhamad Jaffar Ali (2012). *Penilaian program peralihan kemahiran hidup (pilihan B) tingkatan satu di Wilayah Persekutuan*. Tesis Sarjana Pendidikan (tidak diterbitkan), Universiti Kebangsaan Malaysia.
- Noor Hisham Md Nawawi. (2011). Pengajaran dan pembelajaran; penelitian semula konsep konsep asas menurut perspektif gagasan Islamisasi ilmu moden. *Jurnal Pendidikan*, 9(4), 101-105.
- Suhaimi Muhamad & Abdul Halim Tajuri, (2015). *Kurikulum: perspektif dan pelaksanaan*. Kuala Lumpur: Penerbitan Pustaka Antara.
- Siti Wan Nor Abdul Rashid (2012). *Pendidikan khas di Malaysia: Kepelbagaian pengajaran dan pembelajaran*. Prosiding seminar pendidikan khas kebangsaan Universiti Kebangsaan Malaysia.
- Stufflebeam, D. L. (1977). *Educational evaluation and decision making*. Bloomington Ind.: Phi Delta Kappa. Stufflebeam.